

Newspaper	Berita Harian
Date	9 March 2016

Dr Mahathir diminta henti agenda jatuhkan Najib

BH- 9/3/2016

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad digesa menghentikan agendanya untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Serentak itu, Ahli Parlimen Sibuti, Ahmad Lai Bujang meminta Dr Mahathir supaya tidak ke Sarawak sekiranya terus berkeras meneruskan agenda deklarasinya bersama pembangkang kerana dikhuatiri mencetuskan ketegangan antara rakyat.

"Dr Mahathir sepatutnya menjalankan tanggungjawab sebagai negarawan ulung untuk mengajak rakyat bersatu menyokong kepimpinan kerajaan sedia ada, sama seperti yang kerap dilaungkan ketika pemerintahannya.

"Saya mohon kepada (Dr) Mahathir, sudahlah, cukuplah (menjatuhkan Perdana Menteri) su-

paya semua rakyat Malaysia aman, damai dan harmoni.

Kaji semula jawatan

"Dulu (Dr) Mahathir pernah melawat kawasan saya (Sibuti, Sarawak) dan memberikan ilham supaya kami bersatu kerana ne-

“

Saya mohon kepada (Dr) Mahathir, sudahlah, cukuplah (menjatuhkan Perdana Menteri) supaya semua rakyat Malaysia aman, damai dan harmoni”

Ahmad Lai Bujang,
Ahli Parlimen Sibuti

geri ini diganggu-gugat oleh komunis," katanya ketika menandatangani usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, semalam.

Sementara itu, Ahli Parlimen Silam, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur menggesa Dr Mahathir melepaskan semua jawatannya dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Beliau meminta Najib mengambil tindakan sewajarnya bagi menggugurkan Dr Mahathir daripada terus memegang jawatan demi kelangsungan pentadbiran negara.

"Dr Mahathir perlu bersikap gentleman untuk berundur diri dari kerusi syarikat GLC, termasuk sebagai Penasihat PETRONAS, PROTON dan Yayasan Kepimpinan Perdana," katanya.